

# Kembar talasemia buktikan kejayaan

Peroleh keputusan cemerlang dalam SPM 2014, persediaan dilakukan sejak di tingkatan empat.

**KUALA NERANG** - Sepasang kembar seiras yang mengalami penyakit talasemia mencapai kejayaan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014 yang diumumkan, semalam.

Ainul Yaqin Lokman, 18, dan adiknya, Ainul Asyraf dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Syed Ahmad mahu membuktikan bahawa penyakit itu bukan menjadi penghalang untuk mereka berjaya.

Ainul Yaqin berjaya memperoleh keputusan 9A dalam subjek Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik, Sains, Bahasa Arab, Ekonomi Asas, Tasawur Islam, Pendidikan Al-Quran dan Sunnah serta Pendidikan Syariah Islamiah manakala B dalam subjek Bahasa Inggeris.

Bagi adiknya, Ainul Asyraf pula mendapat 8A da-

lam subjek Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik, Sains, Ekonomi Asas, Tasawur

Islam, Pendidikan Al-Quran dan Sunnah serta Pendidikan Syariah Islamiah. Manakala subjek Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab mendapat B.

Ainul Yaqin berkata, walaupun mereka sering letih dan mengantuk kesan daripada penyakit itu, pembelajaran tetap diteruskan termasuk mengulang kaji pelajaran secara berkumpulan dengan rakan-rakan.

Menurutnya, tinggal di asrama juga dilihat sebagai satu kemudahan antaranya saling bertukar nota bersama rakan dan merujuk masalah pembelajaran dengan guru.

"Malah ia mendisiplinkan kami untuk mengulang kaji pelajaran," katanya yang bercita-cita melanjutkan pelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia

(Usim) Negeri Sembilan.

Bagi Ainul Asyraf, selain dari mengambil ubat yang di-

tetapkan doktor, mereka juga mendekati diri dengan ALLAH apabila melakukan puasa sunat Isnin dan Khamis sejak di tingkatan empat lagi.

"Itulah persediaan awal kami sejak di tingkatan empat dan seterusnya melakukan solat sunat dhuha semasa waktu rehat. Kami memohon kepada ALLAH supaya memberi kami kekuatan untuk meneruskan pengajian dan kini doa kami termakbul.

"Paling menggembirakan kejayaan ini sebagai hadiah kepada ibu saya, Noraniza Mat Kahiri, 41, yang akan menyambut hari kelahirannya pada 10 Mac nanti. Kami juga berterima kasih kepada guru kerana memahami penyakit yang kami hidapi selama ini," katanya.



Ainul Yaqin (dua, kiri) dan adiknya, Ainul Asyraf menunjukkan keputusan SPM mereka selepas menerimanya dari Adun Kuala Nerang, Datuk Badrol Hisham Hashim di dewan sekolah itu.